



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 MEI 2018 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Ambil berat aduan penduduk | 26 |
| - Pendaki warga emas sesat ditemui selamat | 26 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 MEI 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Ambil berat aduan penduduk
Muka Surat	26

Ambil berat aduan penduduk

24 21/5/18 M/S 26

Zuraida mahu masalah prasarana di Kuala Ampang diselesaikan

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Pebagai isu berkaitan prasarana yang dibangkitkan penduduk dan para peniaga di Kuala Ampang dipandang serius oleh Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin.

Zuraida bersama pegawai Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) turun padang melihat isu yang dibangkitkan itu, semalam.

"Saya mendapati ada beberapa isu yang masih belum diselesaikan antaranya jalan pintas dan parkir, saya dimaklumkan MPAJ sedang menguruskan isu berkenaan," katanya.

Beliau berkata, isu longkang tu-



Zuraida (dua kanan) bersama pegawai MPAJ melawat kawasan Kuala Ampang.

rut menjadi fokus dalam lawatannya di kawasan berkenaan.

"Penduduk mengadu longkang di sekitar kawasan ini tersumbat, sistem longkang di sini pun sudah lama dan perlu dinaik taraf. Saya akan sentiasa menyemak semula isu

ini dengan pihak berkaitan agar ia dapat di atasi segera," katanya.

Beliau berkata, penduduk turut membangkitkan isu jalan berlubang dipercayai berpunca daripada kerja-kerja pembangunan di kawasan berhampiran.

"Saya juga akan melihat proses pelaksanaan agar semua isu di kawasan ini dapat diselesaikan segera" katanya.


Menurutnya, pihaknya melalui Ahli Majlis MPAJ akan sentiasa berkomunikasi dengan penduduk

info

Turun padang bersama pegawai MPAJ bagi melihat isu berkaitan prasarana yang dibangkitkan penduduk

dalam usaha mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat.

"Kita sentiasa berjumpa dengan penduduk, saya berharap penduduk bersabar kerana pelaksanaan bagi mengatasi masalah ini dijangka memakan masa," katanya.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 MEI 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pendaki warga emas sesat ditemui selamat
Muka Surat	26

SH 21/5/18 N/S 26
Pendaki warga emas sesat ditemui selamat

AMPANG - Seorang lelaki warga emas dilaporkan ter-sepat selepas mendaki bersama 32 orang di kawasan hutan dekat Kampung Kemensah, ditemui selamat, semalam.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, mangsa ditemui di tepi empangan Klang Gate, kira-kira jam 1.45 petang.

"Sebelum menemui mangsa, kawasan operasi mencari dan menyelamatnya diperluaskan sejauh lapan kilometer. Sebanyak empat sektor telah diwujudkan, setiap sektor diwakili pelbagai agensi, penduduk tempatan, Orang Asli, dan rakan-rakan mangsa turut membantu dalam operasi ini," katanya.

Lelaki berusia 60 tahun itu bersama pendaki terbabit dikatakan memanjat bukit di kawasan berkenaan petang Jumaat sebelum disedari terpisah daripada kumpulan berkenaan pada jam 6.30 petang.

Jabatan Bomba dan



Ariff (tiga kiri) bergambar bersama mangsa (empat kiri).

Penyelamat menerima panggilan kecemasan berhubung kes berkenaan pada jam 1.35 pagi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ampang, Ariff Mohamed Kassim bertindak sebagai Komander Operasi, seramai lapan anggota dari BBP Ampang, empat anggota dari Unit Anjing Pengesanan Bomba (K9), 10 anggota polis dan 35 anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) terbabit dalam operasi berkenaan.



Mangsa (tengah) ditemui kira-kira jam 1.45 petang, semalam.